KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10.05.22	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

Puff adder masuk cara haram

Ular ketiga paling berbisa di Afrika ghaib selepas patuk mati lelaki belum ditemui lagi



Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ada kemungkinan ular ketiga paling berbisa di Afrika, *puff adder* yang menggigit mati seorang lelaki Jumaat lalu diseludup masuk ke negara ini.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, sepasukan pegawai Perhilitan dihantar ke premis menjual haiwan peliharaan di ibu kota semalam, bagi menyiasat kejadian itu.

Menurutnya, pihaknya melakukan siasatan bagaimana ular berbisa Afrika itu dibawa masuk ke negara ini.

"Ular itu mungkin mahu dijadikan haiwan peliharaan eksotik. Namun spesies ini tidak kurang bahayanya berbanding ular spesies Black Mamba dari benua Afrika.

"Pernah berlaku ular berbisa ini diseludup masuk dengan disembunyikan di dalam botol atau bekas tertentu. Bagaimanapun dalam kes terbaru ini, pihak Perhilitan masih menjalankan siasatan sumber reptilia itu diperolehi," katanya.

Beliau berkata, pihaknya meneliti konvensyen antarabangsa *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) bagi mengetahui sama ada spesis ular *puff adder* adalah haiwan dilindungi dan tidak boleh diperdagangkan.

Media semalam melaporkan seorang lelaki maut dipatuk ular berbisa *puff adder* ketika membantu rakannya yang juga penjaga haiwan peliharaan eksotik.

Profesor Jabatan Perubatan Kecemasan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Prof Madya Dr Ahmad Khaldun Ismail dipetik berkata, ini kes pertama direkodkan membabitkan ular spesies itu di Malaysia.

"Terdapat dua kes gigitan ular eksotik sebelum ini yang kita ketahui. Mangsa lelaki berusia 30-an berasal dari Selangor maut selepas digigit pada kedua-dua tangan kanan dan kirinya.

"Mangsa meninggal dunia 23 jam selepas kejadian ketika antivenom (Antivipmyn-Africa) cuba diperoleh dari Zoo Singapura.

"Difahamkan ular berbisa itu turut terlepas dan gagal ditemui selepas kejadian serangan berlaku," katanya.

Sementara itu Kadir percaya ular berbisa itu berada di kawasan berhampiran premis berkenaan.

"Mengikut pengalaman, ular berbisa berusaha mencari air minuman selepas mematuk mangsa. Ular Afrika ini tidak bersenyawa dengan spesies tempatan sekaligus menolak andaian ia boleh membiak di negara ini.

"Bagaimanapun saya menasihati orang ramai berhati-hati berikutan ular ini boleh menyerang terutama dalam keadaan terancam," katanya.

Difahamkan ular *puff adder* turut mendiami kawasan savana dan padang rumput dari Morocco di utara Afrika hingga Afrika selatan.



ULAR Puff Adder dari benua Afrika yang dipercayai dibawa masuk secara salah ke negara ini.

LAPAN SPESIES ULAR PALING BERBISA DI DUNIA



Ular Death Adder
Terdapat di Timur dan Selatan Australia, Papua New Guinea dan pulau-pulau yang berdekatan. Mangsa akan lumpuh dalam waktu singkat selepas dipatuk ular ini.



Tedung Selar @ King Cobra
Ular berbisa terpanjang di dunia yang terdapat banyak di kawasan Asia Tenggara. Patukannya boleh membunuh seekor gajah dalam masa 1 jam sahaja.



Ular Black Mamba
Reptilia lagenda paling berbisa di benua Afrika. Ular ini berwarna hitam pekat di keseluruhan mulut dan badan mampu menyerang pada jarak jauh racun neurotoksin.



Ular Tiger Snake
Ular berasal dari wilayah Selatan Australia ini mampu menyebabkan lumpuh dan sukar bernafas.



Ular Many Banded Krait
Ular air belang ini mampu menyerang dari berbagai arah dan kes kematian yang disebabkan olehnya mencecah sehingga 75 peratus.



Ular Saw Scaled Viper
Ular kecil berbisa ini terdapat di kawasan kering seperti di Afrika, Timur Tengah, Pakistan, India dan Sri Lanka mampu membunuh manusia dewasa kurang 24 jam selepas digigit.



Ular King Brown Snake
King Brown Snake adalah spesies ular berasal dari Utara dan Barat Australia Tengah. Mampu melepaskan bisanya sehingga 150 miligram (mg) dengan sekali gigitan.



Ular Inland Taipan
Dianggap ular paling berbisa di dunia berasal dari Australia Timur Tengah. Racunnya mampu membunuh 100 lelaki dewasa. Berupaya membunuh manusia dalam masa hanya 30 hingga 45 minit.

INFOGRAFIK Metro